



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	15/1/2013

# Rakyat tolak 'Arab Spring'

BH-15/1/2013

» *Asia Barat, Malaysia tidak sama: Dr Mahathir*

Oleh Magendran Rajagopal  
magendran@bharian.com.my

► **Cyberjaya**

**H**asrat pembangkang mahu meniru 'Arab Spring' (kebangkitan rakyat di negara Arab) dengan

mengadakan beberapa siri perhimpunan untuk menjatuhkan kerajaan negara ini yang dipilih rakyat secara demokrasi tidak mungkin mendapat sokongan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia tidak boleh disamakan dengan negara Arab dan walaupun kerajaan memberi kebenaran berhimpun secara aman, ia ada batasannya yang perlu dipatuhi.

**Patuhi batasan diberi**

"Malaysia bukan negara Arab,

ini (Perhimpunan KL112) bukan cara demokrasi walaupun kita memberi kebenaran berhimpun secara aman tetapi ada batasannya.

"Sebelum ini, perhimpunan terbabit dinamakan Shamsidar, selepas ini nama siapa pula, (adakah) semua orang yang ada kes mahkamah mereka mahu buat (perhimpunan)," katanya selepas menghadiri taklimat khas pembangunan terkini di Cyberjaya, di sini semalam.

Hadir sama, Pengerusi Setia Haruman Sdn Bhd, Tan Sri

Mustapha Kamal Abu Bakar.

Mengulas lanjut mengenai perhimpunan KL112 Sabtu lalu yang didalangi parti pembangkang, Dr Mahathir berkata polis juga diletakkan dalam keadaan serba salah ketika mengawal keadaan.

"Nanti apabila mereka (polis) bertegas dikatakan guna kekerasan terhadap rakyat, kalau lembut sangat dikatakan tidak mahu mengambil tindakan. Takkan mahu menggunakan baton (cota) pun pihak berkuasa perlu bertanya sama ada boleh pukul atau tidak," katanya.